

'Gigih bekerja mesti jadi budaya, amalan kita'

Ekonomi lebih baik dorong Perdana Menteri makin bertenaga jayakan cita-cita rakyat Malaysia

BH-28/11/2007

TAHUN 2007 membawa makna tersendiri bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana mulai tahun ini, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah bermula. Bagaimanapun masih banyak isu yang membimbangkan Perdana Menteri seperti sistem penyampaian, kerena birokrasi, pemasaran hasil tani dan sebagainya. Abdullah turut menyingkap peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sejak tiga tahun lalu, hubungan Malaysia di kalangan negara Islam. Bagaimana pula beliau berhadapan dengan kritikan berterusan termasuk daripada kalangan bloggers. Ikuti temu bual Hishamuddin Aun, Manja Ismail dan Kadir Dikoh dengan Abdullah di Seri Perdana, Putrajaya baru-baru ini.

Soal Jawab

RANCANGAN Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah sampai ke peringkat pelaksanaan sebenarnya. Apakah Datuk Seri berpuas hati dengan pelaksanaannya setakat ini dan yakin semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar?

Abdullah: Saya yakin pelaksanaan yang sudah dimulakan untuk RMK-9, akan mencapai matlamatnya. Orang menganggap RMK-9 ini dah lama saya lancarkan tetapi sebenarnya hanya Jun tahun lalu. Dalam masa hanya selepas dua bulan RMK-9 diterima Parlimen, kita mulakan pelaksanaannya dengan cukup teratur dan baik.

Pelaksanaan projek pembangunan kerajaan sedang dijalankan secara berterusan. Senarai tender 880 projek yang saya umumkan sebelum ini sedang dilaksanakan Kementerian berkaitan. Bagi tahun 2006, kerajaan menjangka peruntukan pembangunan hampir RM35 bilion sudah dibelanjakan. Ini menunjukkan kerajaan terus menyokong agenda pembangunan negara melalui perbelanjaan yang berhemah.

Selain itu, inisiatif Koridor Pembangunan Wilayah sudah bermula. Wilayah Pembangunan Iskandar dilancarkan tahun lalu dan kita men-

jangka pelaburan mula masuk tahun ini. Dua koridor lagi, iaitu Koridor Utara dan Koridor Timur, dalam perancangan dan akan dilancarkan tidak lama lagi. Selain itu, kerja permulaan projek besar seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang akan dijalankan.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa peruntukan pembangunan dalam RMK-9 juga meliputi pembangunan 'soft infrastructure'. Antara lain meliputi perkhidmatan kerajaan. Ia juga meliputi program pembinaan modal insan serta pemberian geran kepada sektor swasta untuk memenuhi agenda pembangunan tertentu. Perkara seperti ini tidak kelihatan oleh masyarakat umum seperti pembangunan infrastruktur fizikal. Walaupun mereka tidak nampak, perkara ini penting untuk memastikan kejayaan RMK-9.

Memang apa yang dilaksanakan itu mengambil sedikit masa untuk membuktikan hasil dan kejayaannya. Tetapi apa yang penting pada waktu ini, memang ada momentum yang meningkat kejayaannya. Insya-Allah, kita dapat capai matlamatnya.



ma, apabila berlakunya hasil yang banyak, harga turun. Durian semuanya kualiti baik, tiba-tiba begitu banyak, harga turun. Jadi pihak yang menanam durian itu, walaupun sudah berusaha lebih, pulangnya macam itu juga.

Sebab itulah saya menyatakan pentingnya industri asas tani, yang ada hubung kait dengan memproses hasil pertanian sama ada buah atau sayuran atau bijirin, dijadikan produk yang boleh dijual dalam masa lebih panjang. Bukan produk mudah rosak tetapi yang boleh dijual sepanjang tahun.

Berikutan itu, pendapatan lebih tetap di samping itu kita dapat menentukan banyak manakah hasil pertanian, buah-buah itu hendaklah dijual dan dipasarkan supaya harganya tak turun merudum. Nilai hasil tani yang diproses pun, lebih tinggi nilainya.

Bagaimanapun, ada pihak kurang yakin dengan penekanan kerajaan terhadap pertanian. Ada yang kata kita kembali ke belakang. Apa komen Pak Lah.

Saya tak nampak macam mana kita boleh dianggap pandang ke belakang, sedangkan untuk industri pertanian yang kita beri perhatian sekarang ini, kita nak utamakan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kita mahu rakyat di kawasan luar bandar akan banyak terbabit. Contohnya, projek industri asas tani, semuanya ini datang dari luar bandar. Mereka bukan saja memulau-

kan industri atau perkilangan ini untuk diri mereka dan keluarga, malah dapat beri rezeki kepada orang lain yang bekerja dengan mereka.

Kalaulah diperbanyakkan dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani) memberitahu saya dalam RMK-9, iaitu menjelang 2010, sasarannya ialah melahirkan 10,000 industri asas tani, maka ini akan menjadi projek yang menambah nilai kepada hasil pertanian akan memberi nilai baru yang membawa kepada pertumbuhan baru dan kekayaan baru bagi mereka yang terbabit.

Pelaksanaan dasar kerajaan berkait rapat dengan sistem penyampaian. Ini masalah yang Datuk Seri sering timbulkan dan kemungkinan menjadi penghalang kepada kelancaran pelaksanaan program RMK-9.

Kalau masalah itu tidak diperbaiki, ia akan menjadi penghalang besar kepada pelaksanaan program dalam RMK-9. Walaupun rancangan itu boleh digerakkan, ia tidak akan dapat digerakkan dengan pen-

"Saya tak nampak macam mana kita boleh dianggap pandang ke belakang, sedangkan untuk industri pertanian yang kita beri perhatian sekarang ini, kita nak utamakan pembangunan PKS"

nuh dinamik sebagaimana diharapkan. Sistem penyampaian perkhidmatan itu, menjadi satu perkara yang sangat diperhatikan rakyat. Banyak komen diberi menunjukkan mereka yang tak puas hati dengan pelaksanaan RMK-9 adalah berkaitan perkara ini.

Apakah sejak Datuk Seri menimbulkannya dulu, keadaan masih tidak berubah.

Inilah yang saya beri perhatian untuk memperbaikinya. Sudah ada tanda menunjukkan penambahbaikan sistem penyampaian itu sama ada di pejabat daerah atau yang lain. Pasport misalnya. Imigresen hari ini boleh memprosesnya dalam sehari, visa boleh dapat dengan begitu cepat. Jadi ini satu contoh. Sudah ada con-



BICARA PEMIMPIN: Abdullah ketika diwawancara Hishamuddin, Manja (kiri) dan Kadir (kanan) di di Seri Perdana, Putrajaya, baru-baru ini.

toh lain yang dapat dipercepatkan.

Satu lagi ialah Sijil Layak Menduduki (CF), orang kata lambat nak keluaran. Nak dapat kelulusan untuk memulakan satu projek pun, lambat. Rumah dah siap, nak dapat CF susah, lambat. Saya buat kenyataan umum bahawa kita nak percepatkan dengan menggunakan pendekatan yang menjamin kepantasan dalam usaha untuk meluluskan permintaan, permohonan yang berkaitan perkara ini.

Hampir dua tahun, orang bising. Saya tanya Ka Ting (Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), apa jadi, apa kemajuannya. Perkara ini penting. Cari penyelesaian yang dapat digunakan dan jangan ambil tindakan

"Bila anda berhadapan satu masalah, beritahu kita, kita selesaikan. Mansuhkan undang-undang yang menghalang. Cari jalan terbaik, bagaimana membuat keputusan pantas dalam jangka masa tertentu"

yang menyusahkan lagi.

Saya cakap balik dengan Ka Ting, saya mahu ini dipercepatkan. Mengapa susah sangat. Rupanya ada 12 undang-undang (perlu dilulus). Saya kata kita perlu pinda undang-undang. Sekiranya sesuatu tidak dapat dilakukan kerana undang-undang dan peraturan, pindaan. Pada Disember lalu, kita luluskan di Parlimen. Dah lulus, sekarang ini boleh dilaksanakan.

Terlalu banyak kerena birokrasi.

Terlalu banyak peraturan yang bertindih-tindih dan dengan itu, lahirlah birokrasi yang mengutamakan prosedur, menepati undang-undang. Setiap jabatan mempunyai prosedur sendiri. Kita perlu pendekkan dan permudahkan prosedur. Misalnya, apakah reka bentuk sesuatu projek itu mengikut peraturan yang ditetapkan? Kalau jurutera dan arkitek kata ya, peritukuh Jabatan Kerja Raya (JKR) tengok semula?

Adakah Datuk Seri rasa segalanya perlu diperbaharui dalam perkhidmatan awam, terutama memendekkan segala prosedur yang menjadi hambatan seperti ini.

Memang pun. Pendekkan prosedur, gunakan kaedah ICT, itulah caranya nak dapatkan keputusan cepat. Tetapi sikap bekerja kuat dan utamakan kepentingan pelanggan mestilah menjadi budaya kerja kita.

Apakah penubuhan Pasukan Petugas Khas yang diketuai bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan tokoh korporat seperti diumumkan Datuk Seri baru-baru ini akan melihat masalah ini.

Ya. Inilah matlamat utama pasukan petugas khas itu.

Bagaimana Datuk Seri melihat sesetengah daripada pan-

dangan, kritikan yang diutarakan pada seminar 'Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun Di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara?' baru-baru ini. Dari segi dasar, mereka berpendapat banyak kebajikan kepada rakyat tetapi dari segi pelaksanaan, ada dua halangan iaitu kurang kefahaman pada peringkat pelaksana dan kerena birokrasi yang keterlaluan.

Halangan pertama itu bukan satu masalah yang membabitkan majoriti. Yang kedua itu, kerena birokrasi, perlu ditangani. Tetapi, apabila aduan dibuat, ia perlu spesifik. Kalau tidak, kita tidak pasti sama ada aduan itu hanya persepsi, atau kisah yang didengar



dan diceritakan semula, atau ia adalah sesuatu yang benar-benar berlaku.

Kalau kita menerima aduan yang spesifik, lebih mudah untuk menyiasat dan mengambil tindakan.

Maksud Datuk Seri secara keseluruhan, kakitangan awam kita baik tetapi dihambat pelbagai peraturan.

Ada peraturan tetapi lakukan (kerja) dengan cepat. Jika peraturan melambatkan kerja, maka peraturan perlu diubah segera. Tetapi, kadang-kadang perbuatan segolongan tertentu yang menyebabkan perasaan marah terhadap keseluruhan (kakitangan awam).

Adakah jangka masa tertentu diberikan untuk sistem penyampaian ini mesti mencapai tahap yang Datuk Seri rasa memuaskan.

Apa yang kita nak buat sekarang ini, ialah buat sesuatu mengikut jangka masa tertentu. Memang banyak kemajuan dicapai setakat ini. Saya beritahu KSN, sudah tiba masanya untuk senaraikan tindakan, langkah memperbaiki yang sudah diambil supaya rakyat tahu.

Datuk Seri nampaknya benar-benar mahu permasalahan ini ditangani dengan sebaik mungkin.

Ya... sebab ini juga ada hubung kait dengan sektor swasta. Baru-baru ini, kita buat keputusan supaya rakyat atau pelabur asing boleh beli rumah berharga RM250,000 ke atas tanpa perlu kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Tetapi, pihak berkuasa negeri masih perlu memberi keputusan sebelum hak milik rumah itu dapat dipindahkan. Dalam hal ini, saya maklumkan kepada pihak kerajaan negeri supaya mengambil tindakan bagi mengubah peraturan yang menghalang itu.

Bagaimana nak menyelesaikan segala masalah ini.

Hal berkaitan tanah adalah hak kerajaan negeri. Bila berhadapan satu masalah, beritahu kita, kita selesaikan. Mansuhkan undang-undang yang menghalang. Cari jalan terbaik, bagaimana membuat keputusan pantas dalam jangka masa tertentu.

Mungkin perlu jika semua menteri arah Kementerian masing-masing untuk tangani masalah ini. Kaji semua undang-undang lapuk yang tidak perlu dan pendekkan prosedur yang keterlaluan.


Semua orang mesti memainkan peranan. Pejabat Tanah, macam-macam prosedur diperlukan berkaitan soal pengambilan tanah. Ini sedang dikurangkan.

Beralih kepada soal Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan baru-baru ini. Apa Datuk Seri fikir pelan ini mampu membawa perubahan yang diinginkan.

Ini penting. Kalau dahulunya, Malaysia adalah satu-satunya negara di rantau ini yang terbuka kepada pelabur asing, sekarang banyak negara berbuat demikian. Kita hadapi cabaran dari Thailand, Vietnam, China dan India. Kita perlu anjakkan ekonomi kita untuk menjadi lebih kompetitif. Kita perlu bangunkan sektor yang ada nilai tambah (value added). Bidang seperti teknologi tinggi, ICT (teknologi komunikasi dan maklumat) dan bioteknologi - semua ini memerlukan ilmu yang tinggi. Dan untuk kita berjaya dalam bidang ini, kita perlu pastikan supaya pelajar kita mempunyai pengetahuan yang cukup, kreativiti, kemahiran yang cukup untuk berjaya dan untuk memenuhi keperluan ekonomi masa depan.

Ini (penekanan terhadap pendidikan) bukan perkara baru. Selama ini, kerajaan memberi peruntukan yang besar kepada hal berhubung kait dengan pendidikan. Tetapi, pada zaman sekarang, kita bukan saja mahu pendidikan, tetapi pendidikan yang berkualiti. Pendidikan yang memberi peluang kepada anak-anak muda kita berjaya menghadapi cabaran yang ada.

Kita juga harus sedar proses pendidikan adalah sesuatu yang berciri jangkamasa panjang. Segala perubahan yang dibawa hendaklah dikaji keberkesanan dulu, dilaksanakan secara sistematik. Inilah caranya untuk kita sampaikan pendidikan yang berkualiti, bernilai dan bermakna bagi generasi muda negara. Pelan Tindakan ini adalah langkah pertama. Kita tiada pilihan. Perancangan berkaitan pendidikan, mesti kita jayakan.



Antara teras pelan itu ialah mahu memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK), isu yang dilihat agak sensitif.

Sensitif bahagian mana.

Dalam nak memperbanyakkan pelajar bukan Melayu untuk kembali ke SK.

Saya tidak terfikir ini sensitif. Pilihan terletak di tangan ibu bapa. Saya tidak nampak apa-apa alasan mengapa ini dianggap sensitif. Kita mahu memperkasakan Sekolah Kebangsaan. Ini bukan kita nak buat satu rancangan nak tutup sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil, kita tak tutup, tak payah. Sekolah kebangsaan, baik, bukan sesuatu yang sensitif, yang boleh dianggap sebagai tidak wajar. Ini bukan gimik politik.

Harapan Datuk Seri terhadap pelan tindakan ini.

Pada saya, pelan induk ini adalah pragmatik, bukan sesuatu yang tidak praktikal... ia boleh dilakukan. Tetapi dalam bidang pendidikan, satu perkara lagi selain daripada kemudahan prasarana, yang juga penting ialah peranan guru, peranan ibu bapa. Yang boleh menjadikan perbezaan ialah ibu bapa, apa sikap ibu bapa kepada persekolahan anak mereka. PIBG sangat penting. Sekolah yang cemerlang, lazimnya dikaitkan dengan peranan cergas ibu bapa dan PIBG.

Kita beralih kepada hubungan antarabangsa. Sejak menerajui kerajaan, Datuk Seri dilihat berusaha menggalakkan semua hubungan dengan beberapa negara yang dikatakan mempunyai hubungan agak tegang dengan Malaysia sebelum ini seperti Singapura dan Australia. Datuk Seri juga dilihat lebih berdiplomatik dengan pemimpin kuasa besar, umpamanya Presiden Amerika. Timbul anggapan suara Malaysia kini tidak selantang dulu.

Banyak perkara yang boleh kita lakukan. Kita nak pastikan peranan kita itu benar-benar berkesan. Kita tidak mempromosikan diri sebagai juara. Kita cuma mahu bercakap sesuatu yang betul, melakukan sesuatu yang betul, dan menjalankan sesuatu tugas yang boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Ramai juga kata pendekatan terbaik-baik itu memberi kesan positif seperti dapat menarik pelabur dari negara yang dulunya dilihat kurang rapat dengan Malaysia.

Dasar luar kita tidak berubah, cuma pendekatannya berbeza.

LIHAT MUKA 13

"Jika peraturan melambatkan kerja, maka peraturan perlu diubah segera. Tetapi, kadang-kadang perbuatan golongan tertentu menyebabkan perasaan marah terhadap keseluruhan kakitangan awam"

'Cerita bohong tidak ganggu tugas saya'

DARI MUKA 12

? Selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sejak tiga tahun lalu, apakah Datuk Seri berpuas hati dengan peranan yang dimainkan Malaysia.

Kita banyak bergerak. Kita menutamakan usaha yang berkaitan dengan pembangunan keupayaan ekonomi, meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara Islam di samping juga usaha ke arah menghapuskan kemiskinan dan kemunduran. Forum ekonomi OIC yang ditubuhkan sudah dua kali diadakan di Malaysia pada 2005, di Pakistan tahun lalu dan tahun ini sekali lagi akan diadakan di Kuala Lumpur. Kita hendak utamakan usaha bagi membesarkan lagi industri halal di negara Islam. Kita mahu memperluaskan penyertaan dalam persidangan dan eksport produk halal dengan menjemput negara OIC menyertainya.

? Bagaimana Datuk Seri melihat hubungan Malaysia dengan Iraq.

Kita bekerjasama dengan kerajaan Iraq yang dipilih rakyat Iraq. Ia kerajaan yang sah dan kita tidak boleh memperkecilkan sebuah kerajaan pilihan rakyatnya. Sekarang, pihak kerajaan Iraq mestilah bersikap adil terhadap semua golongan atau kumpulan di Iraq, tanpa memihak kepada mana-mana golongan, sama ada Sunni, Syiah atau Kurdis. Usaha mestilah dibuat bagi mewujudkan perpaduan nasional melalui pewujudan kerajaan berkongsi kuasa. Perkaranya ini saya sudah sampaikan kepada kepimpinan Iraq.

? Bagaimana pula dengan peranan Malaysia dalam Asean sekarang.

Baik. Kita masih mengekalkan peranan kita. Hubungan kita dengan semua adalah sama. Bagi

“ Kalau saya benarkan diri saya diganggu sepanjang masa oleh perkara seperti ini, saya tak akan dapat buat kerja. Itulah sebenarnya yang mereka mahu lakukan, supaya saya tak dapat tumpukan pada kerja saya.”

kita, semua anggota dalam Asean adalah sama penting. Kita mesti kuat dalam Asean.

? Ini berhubung kepimpinan Datuk Seri. Di luar sana, wujud suasana di mana setiap langkah dan kenyataan Datuk Seri diawasi dan diperhalusi. Walaupun Datuk Seri cuba memperjelaskan sesuatu isu, ada pihak cuba memutarbelitkannya. Bagaimana Datuk Seri berdepan dengan keadaan ini.

Saya terpaksa buat apa yang ingin saya lakukan. Saya sedar ada yang hanya berniat untuk memperlecehkan saya. Pada mereka, apa saja yang mereka nampak tak elok pada mereka, mereka nak perbesar-besarkan. They just want to rubbish me. Dalam politik, perkara seperti ini harus dijangkakan berlaku. Tidak ada pemimpin yang disukai semua. Yang pentingnya, so-



kongan majoriti masih memihak kepada saya.

? Tetapi kecaman terhadap Datuk Seri dilihat sudah keterlaluan. Walaupun sejak dulu memang ada orang tidak setuju terhadap perkara tertentu yang dipimpin buat, yang kerajaan buat, sekarang kelihatan usaha lebih bersepadu daripada kumpulan tertentu ini. Mengapa ini berlaku.

Dalam bentuk apa 'usaha lebih bersepadu' itu.

? Yang paling ketara ialah melalui internet. Mereka memilih untuk menyanggah media arus perdana, menyatakan media arus perdana dikawal kerajaan.

Nampak mereka ini dah ghairah dengan alat ni, SMS, alat elektronik... mereka ghairah sebab rasa mereka bebas, tidak boleh diganggu dan boleh cakap sesuka me-

reka. Mereka tak payah beri nama mereka.

Mengenai pengendali blog atau laman web, mereka menggunakan kesempatan ini buat macam-macam cerita, cerita itu, cerita ini. Bohong demi bohong dilakukan. Pada mereka, semuanya tak betul, semuanya tak baik.

Kalau saya benarkan diri saya diganggu sepanjang masa oleh perkara seperti ini, saya tak akan dapat buat kerja. Itulah sebenarnya yang mereka mahu lakukan, supaya saya tak dapat tumpukan pada kerja saya.

Perhatian saya pada waktu ini adalah untuk menjayakan RMK-9 dan saya yakin negara berada di atas landasan yang betul dan sedang bergerak maju ke hadapan. Ekonomi dijangka bertumbuh dengan baik. Saya berasa lebih bertenaga sekarang untuk menjayakan cita-cita rakyat Malaysia.